



SIARAN AKHBAR

SME CORP. MALAYSIA TINGKATKAN PERANAN USAHAWAN WANITA

Kuala Lumpur, 25 Oktober 2017 – Selaras dengan usaha untuk meningkatkan lagi peranan serta sumbangan usahawan wanita dalam pembangunan ekonomi negara, SME Corp. Malaysia telah menganjurkan satu sesi dialog dan perkongsian maklumat bersama lebih 200 usahawan wanita di Platinum Sentral hari ini. Majlis Sepetang bersama Menteri ‘*Time for Tea*’ ini telah dihadiri oleh YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan YB Dato’ Sri Rohani Abd Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia sentiasa menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan melalui program dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan insentif, serta latihan keusahawanan untuk usahawan wanita sebagai langkah pemerkasaan ekonomi wanita melalui peluang untuk menjana pendapatan. Hasil bancian ekonomi yang telah dijalankan pada tahun 2016 menunjukkan daripada 907,065 PKS di Malaysia pada masa ini, 20.6% (186,855) adalah terdiri daripada perusahaan milik wanita.¹

Sesi dialog ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas serta cadangan mengenai dasar dan program pembangunan usahawan wanita di Malaysia. Ia juga menyediakan satu platform bagi memberi peluang kepada para usahawan untuk berkongsi idea dan pendapat bersama kedua-dua menteri yang hadir. Platform sebegini diharap dapat memberikan impak positif ke arah pembangunan PKS khususnya bagi usahawan wanita di Malaysia.

¹definisi perusahaan milikan wanita adalah 51% ekuiti dimiliki oleh wanita atau mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan wanita yang memegang sekurang – kurangnya 10% ekuiti dalam syarikat.

Di majlis yang sama, SME Corp. Malaysia turut melancarkan penjenamaan semula Pusat Rujukan Setempat SME Corp. Malaysia (yang dahulunya dikenali sebagai One Referral Centre SME Corp. Malaysia) kepada Hab PKS atau SME Hub. Penjenamaan semula oleh SME Corp. Malaysia ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi fungsi serta peranan Hab PKS di dalam menyalurkan maklumat kepada PKS berkenaan dengan bantuan dan insentif yang disediakan oleh pelbagai pihak yang berkaitan dengan pembangunan PKS di Malaysia. Penjenamaan semula Hab PKS ini turut merangkumi pengenalan Hab PKS Fizikal (*Physical SME Hub*), Hab PKS Atas Talian (*SME Hub Online Web*), Aplikasi Hab PKS (*SME Hub App*) dan Hab PKS Bergerak (*SME Hub on Wheels*). Sebagai tanda sokongan kepada inisiatif ini, Telekom Malaysia Berhad (TM) menerusi jenama perkhidmatan jalur lebarnya, unifi telah menaja perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan Hab PKS Bergerak kepada pengusaha PKS di seluruh negara.

Majlis Sepetang bersama Menteri '*Time for Tea*' dan Majlis Pelancaran Hab PKS ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri J. Jayasiri, Ketua Setiausaha MITI, YBrs. En. Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk (Dr) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Nor Azian Md Yusof di 03-2775 6174 (azian@smecorp.gov.my) atau Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)
Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001
<http://www.smecorp.gov.my>
e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.